

# Keadaan Tun Mahathir kian baik

um - 16/5/2007

KUALA LUMPUR 15 Mei - Keadaan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) dari Hospital Langkawi hari ini kian baik dan beliau sempat bergurau dengan anggota keluarganya mengenai alat pernafasan oksigen yang kecil berbanding hidungnya.

Bekas Perdana Menteri itu, yang sebelum ini dalam keadaan separa sedar akibat ubat pelali, sudah mampu minum dengan sendiri, kata anaknya, Datuk Mukhriz.

"Malahan dia sempat bergurau dengan saya mengenai alat pernafasan oksigen yang kecil berbanding hidungnya yang agak besar," kata Mukhriz kepada pemberita di IJN di sini.

Dr. Mahathir, 82, diterbangkan ke IJN dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

pada pukul 11.30 pagi tadi selepas lebih 18 jam dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Langkawi.

Menurut Mukhriz, setelah melalui beberapa pemeriksaan, doktor pakar IJN telah menasihati Dr. Mahathir supaya terus berehat dan menerima rawatan di IJN untuk beberapa hari lagi.

Beliau juga mengakui menerima banyak panggilan dari dalam dan luar negara yang ingin mendapatkan perkembangan terkini mengenai Dr. Mahathir.

"Saya mewakili ahli keluarga mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengirimkan SMS, MMS dan e-mel dari dalam dan luar negara terutama dari Australia dan United Kingdom, yang turut mendoakan kesiha-

tan ayah saya pulih," katanya.

Jabatan Perkhidmatan Korporat IJN dalam satu kenyataan berkata, keadaan Dr. Mahathir adalah stabil serta tiada komplikasi pernafasan, malahan bekas pemimpin negara itu telah mula makan bubur pada pukul 3 petang ini.

IJN tidak menggalakkan Dr. Mahathir menerima pelawat dalam tempoh terdekat ini.

"Berdasarkan pandangan pasukan perubatan, lawatan hanya dibenarkan kepada ahli keluarga terdekat," kata kenyataan itu.

Antara orang kenamaan yang melawat Dr. Mahathir ialah Ketua Pembangkang Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Kepong dari DAP, Dr. Tan Seng Giaw dan ahli perniagaan, T. Ananda Krishnan.

Dr. Mahathir berada di Langkawi semalam bersama Dr. Siti Hasmah untuk lawatan peribadi selama dua hari dan beliau mengadu sesak nafas di hotel penginapannya yang terletak di pinggir pantai pulau itu.

Beliau kemudian dibawa oleh doktor peribadinya, Dr. Nasir Muda, dengan kereta ke Hospital Langkawi pukul 3.50 petang semalam dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi hospital itu.

Sebelum ke Langkawi, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah berada di kawasan percutian Bukit Merah, Perak sejak Khamis lepas untuk menghadiri majlis perjumpaan dengan rakan-rakan pelajar "Class of 47" King Edward College of Medicine, Singapura.

- Bernama